

# E-BULETIN

## PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI



**KERJA BERPASUKAN. PRIHATIN. PENYAYANG. PROFESIONALISME**

### **PAPARAN UTAMA:**

**LAWATAN YBHG PROF DR. MOHD SAZILI SHAHIBI,  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)  
YANG MENJALANKAN FUNGSI  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)**



eISSN 2773-6008



e-Buletin PPT edisi ke-4 kali ini membawakan sorotan peristiwa, pencapaian, program, dan info terbaru daripada pihak PPT.

# **ISI KANDUNGAN**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Sidang Editor	1
Dari Meja Pengarah	2
Promosi	3
Penyelidikan, Penerbitan dan Inovasi	6
Akademik	10
Program PPT	13
Alumni	22
Sukan	24
PPT Prihatin	25
Keratan Akhbar	29
Berita Staf	30
Rakan Strategik	31
Poster PPT	32

# S I D A N G



# E D I T O R

## **PENAUNG**

Prof Dr. Mohd Sazili Shahibi

## **PENASIHAT**

PM Ts. Dr. Aini Jaapar

## **KETUA EDITOR**

Ts. Dr. Wan Zuraida Wan Mohd Zain

## **AKADEMIK**

PM Dr. Mazlina Mahdzar

Ts. Syed Harun Said Mohd

## **ALUMNI & PROMOSI**

Mohamad Azizi Abdul Hazis

Dr. Leylawati Joremi

## **REKA LETAK**

Adibatunnailah Abdul Razak

Khaamisah Yahya

Megat Amirul Aiman Azlan

Muhammad Najmi Zulkefle

## **TEKNIKAL**

Hazira Ahmad

Norazlina Musa

Suzaini Selaiman @ Saliman

Unit Korporat UiTM

## **PENYUMBANG ARTIKEL**

PM Ts. Dr. Aini Jaapar

PM Dr. Mazlina Mahdzar

Ts. Dr. Wan Zuraida Wan Mohd Zain

Dr. Leylawati Joremi

Haji Mulyadi Guiling

Kevin Alvin Eswar @ Jemal

Julaihi @ Basri

Nur Nadia Qausar Juhari

Ts. Siti Nafisah Md Rashid

Siti Zarikh Sofia Abu Bakar

Suhaiza Hassan

Jamri Awang Besar

Zahid Laton

Zarina Salim

# **DARI MEJA PENGARAH PESANAN AKHIR TAHUN...**



**PM TS. DR. AINI JAAPAR  
PENGARAH PPT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, penerbitan majalah e-Buletin dapat diteruskan terbitan bagi edisi Jilid-4.

Pra Pengajian Tinggi adalah program yang mengambil pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi keputusan SPM yang kurang menepati syarat-syarat keperluan UPU. Program PPT adalah terbuka kepada golongan B40 dan juga bukan B40 agar kesemua mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Ketika seluruh dunia termasuk Malaysia bergelut dengan masalah penularan wabak COVID-19, usaha dan komitmen yang dicurahkan dari semua pihak terutamanya Ketua Unit Akademik, Felo, Koordinator, Penyelaras dan staf Pentadbiran PPT diseluruh kampus-kampus PPT yang tidak pernah putus asa bagi memastikan proses pengambilan pelajar Pra Diploma berjalan lancar serta aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara maya atau dalam talian berjalan dengan sempurna.

Dalam memantapkan usaha murni ini, sebanyak 200 program dibawah kendalian PPT UiTM Shah Alam telah dilaksanakan sama ada secara bersemuka atau atas talian pada tahun 2021 ini. PPT berusaha untuk membantu semua golongan anak bangsa mendapat pendidikan yang terbaik di UiTM. Semoga program yang dilaksanakan oleh PPT terus mendapat tempat di hati calon-calon lepasan SPM bagi meneruskan pengajian di Universiti Teknologi MARA bagi peringkat Pra Diploma, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Tahniah dan Syabas diucapkan buat semua warga PPT di kesemua 15 buah kampus yang mempunyai semangat dan jiwa kental dalam menempuh segala cabaran sepanjang tahun 2021 bagi merealisasikan segala program yang dirancang sepanjang tahun 2021.

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi yang berada diseluruh negara juga sentiasa bersedia dalam membantu masyarakat yang menghadapi musibah dan kesukaran sepanjang tahun 2021. Fenomena banjir besar yang berlaku di Selangor dan Pahang telah mengakibatkan kematian, kehilangan harta benda dan tempat perlindungan membuatkan PPT turut bersedih dan menghulurkan bantuan, derma, sokongan moral buat para pelajar dan staf PPT. Marilah kita bersama menadah tangan dan berdoa agar keluarga besar PPT ini terus kuat semangat dan tabah dalam menghadapi ujian daripada Allah S.W.T.

Mengakhiri tahun 2021 ini, saya percaya dengan yang kita lalui sepanjang tahun ini, menjadikan kita lebih bersyukur, matang dan lebih pengetahuan dalam kapasiti kita sebagai warga pendidik dan pentadbir di UiTM. Semoga tahun 2022 yang bakal menyusul akan memberikan kita kehidupan yang lebih baik. Insya Allah

# PROMOSI

## **SOROTAN PROMOSI PPT U IT M SHAH ALAM OKTOBER 2021**

**DR. LEYLAWATI JOREMI**

leylawati@uitm.edu.my

### **TAKLIMAT PROGRAM PRA PPT TELAH DILAKUKAN BERSAMA KETUA-KETUA KAMPUNG MUKIM KAJANG DAN SEMENYIH**

Pendaftaran dan kemasukan pelajar-pelajar baru Pra Diploma untuk sesi Oktober 2021 di seluruh kampus Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menawarkan program-program Pra Diploma telah sempurna dengan pengajuran Minggu Destini Siswa (MDS). Perjalanan sebagai mahasiswa dan mahasiswi kini bermula dengan semangat baru dan harapan yang membara.



Oktober 2021 memperlihatkan pelbagai aktiviti pelajar dilaksanakan dengan kerjasama PPT UiTM Shah Alam bersama PPT di seluruh kampus cawangan yang menawarkan program pra diploma. Dalam usaha melaksanakan misi akademik, aktiviti promosi turut diaktifkan di peringkat UiTM Shah Alam oleh Felo Promosi dan Alumni. Manakala di UiTM kampus cawangan pula, oleh para koordinator yang proaktif dan cukup cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Bagi memastikan informasi berkaitan program PPT dapat disampaikan ke pelbagai peringkat dan lapisan masyarakat, sesi 'Taklimat Program Pra PPT' telah dilaksanakan bersama Ketua-ketua Kampung Mukim Kajang dan Semenyih pada Jumaat, 15 Oktober 2021 di Bilik Mesyuarat Bunga Raya, Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat. Sesi ini berjaya dijalankan dengan kerjasama Penghulu Mukim Kajang yang juga menjalankan fungsi Penghulu Mukim Semenyih; Yang Berusaha Muhamad Azaazrin bin Alias. Sesi yang mengambil masa lebih kurang 150 minit itu memperlihatkan kesungguhan Penghulu dan Ketua-ketua Kampung untuk komited dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat di mukim masing-masing.



### **'SEMBANG SANTAI' BERSAMA YANG BERHORMAT NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN, ADUN PERMATANG BERANGAN, TASEK GELUGOR, PULAU PINANG**

Dalam usaha menyantuni masyarakat umum bagi menyempurnakan hasrat menyampaikan maklumat program-program Pra Diploma UiTM, satu sesi 'Sembang Santai' bersama Yang Berhormat Nor Hafizah binti Othman, ADUN Permatang Berangan, Tasek Gelugor, Pulau Pinang telah diadakan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet pada Khamis, 21 Oktober 2021, jam 10.00am. Sesi yang berlangsung selama lebih kurang 90 minit itu berjaya mencapai kata sepakat untuk melaksanakan misi akademik PPT secara bersama InsyaAllah, pada minggu ketiga bulan Disember 2021.



### **'RAMAH MESRA' BERSAMA MASJID BANDAR TUN HUSSEIN ONN (MBTHO), CHERAS, SELANGOR**

Pada Rabu, 27 Oktober 2021 pula, sesi 'Ramah Mesra' bersama wakil Masjid Bandar Tun Hussein Onn (MBTHO), Cheras, Selangor telah berjalan secara atas talian melalui aplikasi Google Meet. Sesi yang bermula pada jam 10 pagi ini berakhir pada jam 11.30 pagi. Sesi yang disertai oleh Pengerusi MBTHO, Ustaz Nik Ahmad Faris bin Nik Muhamad, Setiausaha MBTHO, Tuan Haji Shamsul Liza bin Azim dan Biro Kebajikan MBTHO, Ustaz Wan Azmany bin Wan Ali telah mencapai persetujuan untuk melaksanakan secara bersama program 'Hala Tuju Pasca SPM' pada 27 November 2021 secara atas talian melalui aplikasi Cisco Webex. Program ini menyasarkan peserta dari kariah MBTHO.

### **'SUAI KENAL' DI ANTARA PPT U T M SHAH ALAM BERSAMA BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT (BBP)**

Aktiviti promosi diteruskan pada hari yang sama dengan sesi 'Suai Kenal' di antara PPT UiTM Shah Alam bersama Balai Bomba dan Penyelamat (BBP), Seksyen 15, Shah Alam pada jam 3.00 petang. Sesi yang melibatkan Pegawai Unit Latihan Balai, En. Kamarul Azha secara umumnya telah bersetuju untuk merangka satu program secara bersama bagi melaksanakan misi akademik PPT. Sebagai tambahan, pihak PPT turut mencadangkan satu projek penyelidikan dengan BBP. Meskipun tarikh pelaksanaan program belum dapat diputuskan, namun pihak PPT optimis, kerjasama ini InsyaAllah dapat direalisasikan.





### **JOM MASUK IPT SEMPENA ASPIRASI 100 HARI KELUARGA MALAYSIA**

Pra Pendidikan Tinggi UiTM juga tidak melepaskan peluang untuk mempromosikan dan menyebarkan maklumat perihal Program Pra Diploma yang ada di program Jom Masuk IPT sempena 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia. Pra Pendidikan Tinggi UiTM turut terlibat dalam memberikan perkhidmatan konsultasi bersemuka dan pameran pendidikan sepanjang program Jom Masuk IPT berlangsung. Konsultasi bersemuka diberikan oleh Pengarah Pra Pendidikan Tinggi UiTM, PM Ts Dr. Aini Jaapar dan beberapa staf yang terlibat mengikut hari bertugas mereka. Pameran pendidikan dari Pra Pendidikan Tinggi UiTM diusahakan juga bersama Bahagian Pengambilan Pelajar Diploma dan Sarjana UiTM, dan Institut Pengajian Siswazah (IPSiS) UiTM. Selain itu, Pra Pendidikan Tinggi memberikan no pin percuma kepada pelajar yang layak dan berminat untuk melanjutkan pengajian ke Pra Diploma pada hari program berlangsung. Sepanjang hari program tersebut Pra Pendidikan Tinggi UiTM juga membuka permohonan secara atas talian kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang melawati pameran UiTM.

### **TAKLIMAT PELUANG PENGAJIAN KE PRA PENGAJIAN TINGGI U ITM DAN KAJIAN MOTIVASI DAN ASPIRASI MENERUSI ANIMASI INTERAKTIF DI LANGKAWI**

**TS DR WAN ZURAIDA BINTI WAN MOHD ZAIN  
FELO PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN PPT, UITM SHAH ALAM**  
wanzuraida@uitm.edu.my



Pada 23 dan 24 Nov. yang lalu, kumpulan pengurusan Pra Pengajian Tinggi UiTM Shah Alam telah berpeluang mengadakan taklimat di dua sekolah sekitar Langkawi iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra di Padang Matsirat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi, Pulau Tuba di Pulau Tuba, Kedah. Program ini telah mendapat kelulusan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan telah mematuhi prosedur SOP yang telah digariskan. Tujuan program ini adalah bagi menerangkan peluang melanjutkan ke pengajian tinggi UiTM khususnya melalui peluang kedua melalui program Pra Diploma UiTM.

# **PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI**

**PPT UITM SHAH ALAM**

## **TAKLIMAT PELUANG PENGAJIAN KE PRA PENGAJIAN TINGGI UTM DAN KAJIAN MOTIVASI DAN ASPIRASI MENERUSI ANIMASI INTERAKTIF DI LANGKAWI**

**TS DR WAN ZURaida BINTI WAN MOHD ZAIN**

**FOLO PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN PPT, UITM SHAH ALAM**

wanzuraida@uitm.edu.my

Pada 23 dan 24 Nov. yang lalu, menerusi Grant UiTM Lestari SDG-T 5/3 (117/2019) PPT telah menjalankan kajian serentak berkaitan satu animasi interaktif yang telah dibangunkan. Animasi interaktif ini juga telah dipertandingkan di *Virtual Innovation Competition 2021* (VIC 21) dan telah mendapat anugerah perak. Objektif utama kajian ini untuk membangunkan Agen Pedagogi Animasi (APA) dan menganalisis faktor motivasi dalam kalangan persepsi pelajar melalui aplikasi ini. Aplikasi ini ialah watak pada skrin animasi yang membantu pelajar dalam persekitaran pembelajaran multimedia, dan ia digunakan dalam aplikasi ini untuk menjadikan aplikasi lebih interaktif dengan membantu pengguna sepanjang soal selidik. Selain APA, kesan bunyi juga digunakan sebagai satu bentuk maklum balas seperti apabila pengguna mengklik pada pilihan jawapan yang diberikan. Beberapa imej visual yang berkaitan dengan soalan juga ditambah untuk memberi pemahaman lanjut tentang soalan kepada responden. Di samping itu, imej visual digunakan untuk menarik perhatian pengguna untuk lebih penglibatan. Hasil kajian ini memberi implikasi strategik kepada pihak tertentu dan institusi pengajian tinggi, Pejabat Pra Pendidikan Tinggi khasnya dalam usaha membantu anak-anak muda di Pulau Langkawi merealiaskan aspirasi mereka. Taklimat yang disertai dalam 100 dan 50 pelajar di Sekolah Tunku Putra dan Sekolah Pulau Langkawi dan guru-guru kelas, kaunselor serta pengetua telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dimana pelajar-pelajar juga bersemangat memberi pendapat semasa sesi temubual dijalankan.



Taklimat dan lawatan di Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Putra di Padang Matsirat.



Taklimat dan lawatan di Sekolah Menengah Kebangsaan Langkawi di Pulau Tuba.



# PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI

PPT UITM SHAH ALAM

## ISCIID 2021: PELAN TINDAKAN PROGRAM PRA-PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

*International Shariah Compliant Idea, Invention, Innovation and Design Expo (ISCIID)* merupakan kesinambungan program dari siri sebelumnya yang telah dianjurkan pada tahun 2014 dan 2016. ISCIID ialah sebuah eksposisi dan pertandingan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi dan menghebahkan idea, ciptaan, inovasi atau rekaan yang diiktiraf patuh syariah. Eksposisi dan pertandingan yang berteraskan konsep patuh syariah ini adalah yang pertama dianjurkan di Malaysia. Para penyelidik, inovator dan pereka dialu-alukan untuk menyertai eksposisi ini bagi memperkenalkan idea inovasi dan produk mereka untuk mendapatkan pengiktaranan daripada pakar.



# PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI

PPT UITM SHAH ALAM

## JURNAL

Taylor & Francis Group

T&F eBooks ▾ Search for keywords, authors, titles, ISBN Advanced

About Us Subjects Browse Products Request a trial Librarian Resources What's New!

Home > Economics, Finance, Business & Industry > Economics > Macroeconomics > Monetary Economics > Contemporary Issue higher education program

Chapter

The blueprint of pre-higher education program

A platform to uplift the B40 economic position through Islamic social finance

By Aini Jaapar, Siti Salwa Salleh, Mazlina Mahdzar, Ahmad Shahril Azwan Abdul Rahim

Book: *Contemporary Issues in Islamic Social Finance*

Edition: 1st Edition

First Published: 2021

Imprint: Routledge

Pages: 14

eBook ISBN: 9781003050209

INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN PROGRESSIVE EDUCATION & DEVELOPMENT

ISSN: 2226-6348

Factors Influencing Orang Asli Students' Intention to Study at A Higher Educational Institution in Malaysia

Mazlina Mahdzar, Muhamad Khalil Omar, Aini Jaapar, Wan Zuraida Wan Mohd Zaini

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v10-I2/9579> DOI:10.6007/IJARPED/v10-I2/9579

Received: 06 February 2021, Revised: 01 March 2021, Accepted: 30 March 2021

Published Online: 26 April 2021

In-Text Citation: (Mahdzar et al., 2021)

To Cite This Article: Mahdzar, M., Omar, M. K., Jaapar, A., & Zaini, W. Z. M. (2021). Factors Influencing Orang Asli Students' Intention to Study at A Higher Educational Institution in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(2), 233–244.

Copyright: © 2021 The Author(s) Published by Human Resources Management Academic Research Society (www.hrmars.com) This article is licensed under a Creative Commons Attribution (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

Vol. 10(2) 2021, Pg. 233 - 244

<http://hrmars.com/index.php/pages/detail/IJARPED> JOURNAL HOME PAGE

Journal of Educational Research & Indigenous Studies

Journal of Educational Research and Indigenous Studies

Volume: 3 (1), 2021

Journal website: [www.jerisjournal.com](http://www.jerisjournal.com)

e-ISSN 2682-759X

Tracing Indigenous Students' Academic Performance in A Malaysian Higher Education Institution: The Foci of Scholarship to Orang Asli

Muhamad Khalil Omar<sup>1</sup>, Mazlina Mahdzar<sup>2</sup>, Aini Jaapar<sup>3</sup>, Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Business and Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Pejabat Programme Pra Pendidikan Tinggi (PPT), Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

<sup>3</sup>Faculty of Hotel and Tourism Management, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor, Malaysia

Article Info

Received: 05 January 2021

Accepted: 19 February 2021

Publish: 01 April 2021

E-mail address:

Abstract

This research is embarked to assess the overall performance of the indigenous students in a special pre-diploma programme at Universiti Teknologi MARA (UiTM) known as "Mengubah Destini Orang Asli (MDOA)" (or translated as "Changing the Destiny of the Indigenous People"). The programme is for those unable to further their studies in public universities for not meeting the minimum entry requirements. The performance of 246 Orang Asli students enrolled in the MDODA programme for the year 2010 to 2017 was analysed descriptively using Microsoft Excel. The enrolment data for this programme in seven of UiTM's state campuses i.e., Pahang, Perak, Melaka, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan and Pulau Pinang were

Research Note

Tracing pre-diploma students' academic performance : A case of Universiti Teknologi MARA Malaysia

Mazlina Mahdzar<sup>1\*</sup>  
Aini Jaapar<sup>2</sup>  
Wan Zuraida Wan Mohd Zaini<sup>3</sup>  
Ismassabah Ismail<sup>4</sup>  
Rosidiana Abd Razak<sup>5</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Hotel & Tourism Management, Universiti Teknologi MARA  
<sup>2</sup>Faculty of Tourism, Hospitality, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA  
<sup>3</sup>Faculty of Plantation and Agrotechnology, Universiti Teknologi MARA  
<sup>4</sup>Faculty Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA  
<sup>5</sup>Faculty Computer and Mathematical Sciences, Universiti Teknologi MARA  
[nino@uitm.edu.my](mailto:nino@uitm.edu.my)

Proposed citation:  
Mahdzar, M., Jaapar, A., Zaini, W. Z. M., Ismail, I., & Razak, R.A. (2021). Tracing UiTM pre-diploma students' academic performance with the Faculty of Hotel and Tourism. *Journal of Tourism, Hospitality & Culinary Arts*, 2(3), 334-343.

Abstract  
This research investigates the academic performance and progress of the pre-diploma students of Universiti Teknologi MARA (UiTM) Malaysia. The performance of all pre-diploma students who had enrolled in UiTM for the year 2010 to 2017 was analysed descriptively using Microsoft Excel. The enrolment data for this programme in seven of UiTM's state campuses i.e., Pahang, Perak, Melaka, Kelantan, Johor, Negeri Sembilan and Pulau Pinang were collected at each year level. The study reports that a total of 3612 pre-diploma students were successful in their pre-diploma program and managed to further their studies at the diploma level with the Faculty of Hotel and Tourism Management. About 350 students graduated from the pre-diploma program at each year level. Based on this study, their progress in academic performance showed that UiTM's Pra Pendidikan Tinggi program has succeeded in helping the students further their studies at a higher level.

Keywords:  
Pre-Diploma students, Faculty of Hotel and Tourism Management, Program Pra Pendidikan Tinggi, Academic performance, Higher learning

INTERNATIONAL JOURNAL OF ACADEMIC RESEARCH IN PROGRESSIVE EDUCATION & DEVELOPMENT

ISSN: 2226-6348

The Impact of Corporate Social Responsibility (CSR) UITM towards Agriculture B40 Students in Terms of Academic and Employability Performance

Wan Zuraida Wan Mohd Zaini, Nurain Johar, Aini Jaapar, Mazlina Mahdzar, Muhammad Akram Rahman, Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v10-I3/10767> DOI:10.6007/IJARPED/v10-I3/10767

Received: 15 June 2021, Revised: 20 July 2021, Accepted: 05 August 2021

Published Online: 28 August 2021

In-Text Citation: (Zaini et al., 2021)

To Cite This Article: Zaini, W. Z. M., Johar, N., Jaapar, A., Mahdzar, M., Rahman, M. A., & Rahim, A. S. A. A. (2021). The Impact of Corporate Social Responsibility (CSR) UITM towards Agriculture B40 Students in Terms of Academic and Employability Performance. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 10(3), 660–675.

Copyright: © 2021 The Author(s) Published by Human Resources Management Academic Research Society (www.hrmars.com) This article is licensed under a Creative Commons Attribution (CC BY 4.0) license. Anyone may reproduce, distribute, translate and create derivative works of this article (for both commercial and non-commercial purposes), subject to full attribution to the original publication and authors. The full terms of this license may be seen at: <http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/legalcode>

Vol. 10(3) 2021, Pg. 660 - 675

<http://hrmars.com/index.php/pages/detail/IJARPED> JOURNAL HOME PAGE

# PENYELIDIKAN, PENERBITAN DAN INOVASI

PPT UITM SHAH ALAM

## PROCEEDING



Innovation Insider  
Series 2

Chapter 18

### Pra Pengajian Tinggi Mobile-Based with Animated Agent Application

Aini Jaapar  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi

Universiti Teknologi MARA  
40450, Shah Alam, Malaysia  
Faculty of Architecture, Planning and  
Surveying, Universiti Teknologi MARA.  
40450 Shah Alam, Selangor  
ainjaapar@utm.edu.my

Wan Zuraida Wan Mohd Zain  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi

Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia  
Faculty of Plantation and  
Agrotechnology, Universiti Teknologi  
MAR.A, Melacca branch, Jasin Campus.  
77300 Melinjau, Malacca  
wanzuraida@utm.edu.my

Mazlina Mahdzar  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi

Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia  
Faculty of Hotel and Tourism  
Management, Universiti Teknologi  
MAR.A, Puncak Alam Campus.  
42300, Selangor  
mazlina@utm.edu.my

Muhammad Akram Rahman  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia  
muhammadakramutsb@gmail.com

Ahmad Shahril Azwan  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi

Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia

Imansabah Ismail  
Pejabat Program Pra Pendidikan  
Tinggi  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Malaysia  
Computer Science Department, Centre  
of Foundation Studies, Universiti  
Teknologi MARA, Seremban branch,  
43300 Dengkil, Selangor  
imsabah@utm.edu.my

**Abstract**—This project is mainly to develop a mobile-based with animated pedagogical agent app; and questionnaires. This application is an animated on-screen characters that assist learners in learning through interaction, and it is also used to make the application more interactive by involving the user throughout the questionnaire. Aside from APA, sound effects are also used as a form of feedback such as when users click on the choices of answer given. Some visual images related to the questions are also added to give further understanding of the questions to the respondent. In addition, the visual images are used to grab users' attention for more engagement. A software called Unity is used to develop this application from scratch, cover all the requirements of the application, and create interactive animations. This application is compatible for Android device; version 4 and up to the latest version but not compatible for iOS version yet. Therefore, this study proposes an animated agent-based virtual instructor to be embedded in the survey app. This will create responsive environment in every survey session. The descriptive analysis also showed the survey questions were all easily assessed and analyzed.

**Keywords:** Mobile application, Animation, Agent-based, Motivation, higher education.

#### I INTRODUCTION

Program Pra Pengajian Tinggi (PPT), UiTM, is a corporate social responsibility which aim to provide an opportunity to the B40 children to pursue their studies in higher institution through pre diploma programme. It is a unit that actively involved in nationwide outreach by visiting schools and community centre (Jaapar et al. 2021). In a year of 2021, PPT conducted 100 school visits and talks. In prior to the visits, the facilitators need to understand each group of teenagers that they are meeting up. Different technique used in collecting data give different result. Studies of questionnaires mode and its effects have been conducted by many researchers. Thus, it is important to understand their perceptions and motivation factors which can help to increase the effectiveness of the outreach program. This will also help PPT to conduct tracer study of their study.

#### II LITERATURE REVIEW

Animated Agent Animated agents with affective behaviour are already used in various application domains. They perform as virtual tutors in interactive learning environments (Johnson et al., 2000), as virtual presenters on

Multidisciplinary Applied Research and Innovation Vol. 2 No. 3 (2021) 286-293  
© Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Publisher's Office



**MARI**

Homepage: <http://publisher.utm.edu.my/periodicals/index.php/mari>  
e-ISSN: 2773-4773

#### Statistical Analysis Selector

Muhammad Akram Rahman<sup>1</sup>, Aini Jaapar<sup>1</sup>, Wan Zuraida Wan Mohd Zain<sup>1\*</sup>, Mazlina Mahdzar<sup>1</sup>, Shahril Azwan Abd Rahim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi,  
Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, 40450, MALAYSIA

\*Corresponding Author Designation

DOI: <https://doi.org/10.30880/mari.2021.02.03.057>  
Received 05 September 2021; Accepted 05 October 2021; Available online 15 December 2021

**Abstract:** Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM is an office that concentrates on programs that enhance students' education at pre-diploma level, which enables them to get entries into Diploma programs. Thus, student's data play an important role for the office to make decisions that can benefit the students. Since statistical analysis has been important in decision making, but no one with a permanent role at the office has a strong Statistics background. It can be quite cumbersome to anyone in the office to find appropriate statistical analysis that can serve office business requirements. A software application was innovated to make effective decision making in suggesting some statistical analysis which can be appropriately done based on given data input. End users will have to input a dataset and then a list of variables can be chosen from for analysis. Next, a few analyses will be given to be chosen from and the end users will get the outcomes that are required. Technically, the app can help to simplify the analysis process by checking the requirements of the statistical analysis. Then, it can give a list of suitable analysis that can be picked from and thus results can be obtained in a short time. Agile methodology concept was carried out which briefly involved of technical analysis plan and design phase for fulfilling conditional requirements between statistical analysis and application utilities, application development phase for building the application and finally evaluation phase for the app to be assessed by PPT officers. With this innovation, there will be less headache and time consumption on exploring and doing some research about many statistical methods that will not even be used. Thus, at the very least, PPT officers of non-Statistics background have no need to do any research on statistical analysis, but necessary outcomes of business objectives can be attained from the software application.

# **AKADEMIK**

**PPT UITM CAWANGAN TERENGGANU**

## **TAKLIMAT MISI AKADEMIK SEMPENA SEMINAR SELANGKAH KE UNIVERSITI 2021**

**ENCIK JAMRI AWANG BESAR**

jamri921@uitm.edu.my



Taklimat misi akademik sempena seminar selangkah ke universiti 2021 lepasan SPM/ STPM peringkat daerah Marang pada 2 Nov 2021. Program anjuran Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan Marang. Program dihadiri semua Guru Kaunseling SMK daerah Marang dan pelajar SPM serta STPM yg terpilih.



Pelajar SPM dan STPM yang terlibat dengan seminar selangkah ke Universiti 2021.

# AKADEMIK

## PPT UITM CAWANGAN SARAWAK



  nadiaq@uitm.edu.my

**E-KKM (KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT DALAM TALIAN)**

**NUR NADIA CAUSAR JUHARI**

**Program Kelas Kemahiran Maklumat Bersama Pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.**

**Peserta : Pelajar Pra Diploma Perdagangan (BA002 & BA003)**  
**Tarikh : 27 & 29 April 2021.**  
**Jam : 11.00 – 13.00 & 10.00 – 12.00**  
**Kaedah : Google Meet.**

**LSC100 – Introduction to Library System.**  
**LSC101 – Introduction to PTAR Electronic Resources.**


    

### E-KKM (KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT DALAM TALIAN)

**NUR NADIA CAUSAR JUHARI**

Pada tanggal 27 dan 29 April 2021, satu kelas ilmiah dalam talian telah diadakan bertujuan untuk memperkasakan kemahiran para pelajar Pra Pendidikan Tinggi dalam mencari dan mengenal pasti bahan rujukan ilmiah melalui portal PTAR dan juga cara untuk memanfaatkan *library sources* yang amat berguna kepada pelajar. Kelas ini diadakan dengan kerjasama Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah dan Unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) Kampus Mukah. Antara modul yang diketengahkan dalam kelas dalam talian ini ialah LSC100/*Introduction to Library System* dan juga LSC101/*Introduction to PTAR Electronic Resource*. Dalam usaha melahirkan graduan pra diploma yang holistik dari segi akademik dan bukan akademik, kelas ini dapat mengangkat aras pengetahuan dan kemahiran pelajar dalam penggunaan teknologi di institusi pendidikan tinggi serta dapat meningkatkan aras pengetahuan *subject matter* dengan penguasaan optima berlandaskan kemahiran yang diajar. Selain itu juga, pihak perpustakaan menyediakan

hadiah yang lumayan bagi pelajar-pelajar yang dapat menjawab soalan kuiz dengan keputusan cemerlang. Terdapat beberapa pelajar yang berjaya mendapatkan hadiah berupa elektronik yang ditaja khas oleh pihak PTAR, dengan mengadakan kelas selama dua hari ini, pihak pengajur mengharapkan ianya dapat memberi kesan yang positif kepada para pelajar kerana mereka dapat meluaskan carian maklumat yang boleh dipercayai dan tepat. Seramai 30 orang pelajar pra diploma telah menghadiri kelas ini termasuk beberapa kakitangan PTAR dan PPT.



## **WEBINAR: DISCOVER YOUR TOP CAREERS**

**NUR NADIA QAUSAR JUHARI**

nadiaq@uitm.edu.my

Sesi webinar ini telah diadakan pada 10 Jun 2021 kepada semua pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di UiTM Kampus Mukah yang diusahasama oleh Unit Kaunseling UiTM Kampus Mukah. Webinar ini yang diketuai oleh Cik Izyan Masli selaku pegawai psikologi Kampus Mukah. Intipati webinar ini adalah untuk:

1. Memberi pendedahan kepada pelajar tentang sifat-sifat dominan/ karakteristik yang ditonjolkan individu dan kaitannya dalam memilih jurusan kerjaya yang tepat.
2. Mencungkil minat pelajar untuk terus berjuang ke arah mencapai objektif kerjaya masing-masing.
3. Menambah minat para pelajar pra diploma untuk terus kekal bersemangat mengejar impian dan cita-cita mereka.

Webinar ini mendapat sambutan yang baik dari kalangan pelajar di mana mereka banyak berkomunikasi bersama kaunselor bagi menjawab isu dan topik yang dibincangkan tanpa rasa terbatas oleh kerana penyampaianya adalah santai sahaja. Webinar ini juga turut dihadiri oleh jawatankuasa PPT dan juga pensyarah yang berminat untuk bersama-sama menambah ilmu dalam bidang ini. Webinar berlangsung selama dua jam ini mendapat sambutan yang memberansangkan daripada semua pihak dan ditamatkan pada jam 12.30 tengah hari.



# PROGRAM PPT



**Sesi Lawatan Kerja**

YBhg. Tn. Haji Mazlan Hashim  
Bendahari  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

serta  
Delegasi Pejabat Bendahari UiTM

ke

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)  
30 November 2021, Selasa

[f/pptuitm](#) [pppt.uitm.edu.my](#)

**PPT Virtual Open Day 2021**

29.09.2021 | Rabu | 02.30 Petang

- Taklimat peluang melanjutkan ke Pra Diploma UiTM
- Ibu / Bapa / Calon boleh mendapatkan konsultasi secara langsung
- Bantuan dengan Pengeluaran pendidikan Tinggi (PPT)
- Senarai universiti dan institusi yang menawarkan program Pra Diploma
- Prosedur Permohonan
- Bantuan untuk calon dari keluarga golongan B40

MASA	PROGRAM
02.30 petang	Pendaftaran Peserta & Sesi Pengenalan
02.40-03.15 petang	Program Pra Pendidikan Tinggi
03.15-04.00 petang	Perkongsian dan Solusi Jawab Masalah
04.30 petang	Diskusi Konsultatif dan Solusi Jawab Masalah
04.30 petang	Penutup

Maklumat lanjut: [f/pptuitm](#) [pppt.uitm.edu.my](#) [pepta.uitm.edu.my](#)

**TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM 2021** (bil 19/2021)

Peluang ke UiTM melalui Program Pra Diploma

Taklimat Program Pra Diploma Universiti Teknologi MARA (UiTM) & Motivasi bersama oleh Leosman SPM 2020. Belakar calon SPM 2021 dan Ibu bapa SMIJ, Jalan Kebun, SMK Kota Kemuning, SME Cheras, Kuala Lumpur. SMIJ 3-Media dengan kerjasama Kementerian Agama Malaysia (KMA), Cawangan Raja

06.08.21 Jumat

[LIVE MEET](#)

**E-KARNIVAL PENDIDIKAN & KERJAYA 2021 SMK SUBANG**

Laluan ke UiTM melalui Program Pra Diploma [http://mydigitalhigh.com/govt-institutions](#)

Masa: 10.00 pagi - 02.00 petang

Perkara: Sesi Soal Jawah berkenaan Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) berkaitan peluang melanjutkan ke UiTM selain Pra Diploma

[LIVE MEET](#)

[Google Meet](#) [http://bit.do/30072021ppt](#)

[QR Code](#)

**PERLAWANAN PERSAHABATAN BADMINTON (TERTUTUP) PELAJAR PLK-PDRM DAN PRA-ATLET UTM CAWANGAN SELANGOR**

TARIKH : 12 DIS 2021 (AHAD)  
MASA : 8.00 PAGI  
TEMPAT: DEWAN IPD CHERAS, CHERAS

**empowerNCR Akademik**

**empower COMMUNITY CONNECT**

Penerangan Hala Tuju Pelajar Selepas Peperiksaan SPM

4 DESEMBER 2021 - 12.00PM

[QR Code](#)

[LIVE MEET](#)

[Google Meet](#)

[http://tiny.cc/ekarnival2021](#)

**Program Kelas Kemahiran Maklumat Bersama Pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Mukah.**

Peserta : Pelajar Pra Diploma Perdagangan (BA002 & BA003)  
Tarikh : 27 & 28 April 2021.  
Jam : 11.00 – 13.00 & 10.00 – 12.00  
Kaedah : Google Meet.

LSC100 – Introduction to Library System.  
LSC101 – Introduction to PTAR Electronic Resources.

**LIVE WEBINAR ADOBE & CANVA TIPS & TRICKS**

LEARNING ON THE BASICS AND TOOLS TO DESIGN A POSTER  
10 AM - 12 NOON  
16 DECEMBER 2021  
PLATFORM: GOOGLE MEET

[QR Code](#)

**E-KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA 2021 DAERAH PETALING PERDANA**

Laluan ke Universiti atau Kali Selesap SPM/SPM.  
Tarikh: 15 & 16 November 2021 (Sabtu & Ahad)  
Masa: 10.00pg - 4.00ptg

**PENDAFTARAN**  
[http://tiny.cc/ekarnival2021](#)

**i-Care UiTM**

**MODUL PSIKOLOGI (PRA PENDIDIKAN TINGGI)**

**MENTAL HEALTH CARE**

**TARIKH : 3 DESEMBER 2021 (JUMAAT)**  
MASA : 3.00 - 4.00 PETANG  
MEDIUM : CISCO WEBEX  
PESERTA : SEMUA PELAJAR PRA PENDIDIKAN TINGGI (KEHADIRAN DIFESTIKAN)

ANJURAN : UNIT KERJA & KAUNSELING, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR UiTM CAWANGAN NEGERI SELAMAN KAMPUS PULAU KILAH CONTACT US : 06-4832557 (WHATSAPP)

**Taklimat Motivasi bersama Pengarah PPT**

02 November 2021 Selasa 02:00 - 04:00 petang

**Taklimat Penerapan Pra Diploma ke Diploma**

03 November 2021 Rabu 10:00 pagi - 12:00 Tgh Hari

Prof. Madya Ts. Dr. Aini Jaapar PENGARAH PPT

**PPT UTM NATIONAL VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2022**

“Empowering students towards educational innovation”  
PPT UTM National Virtual Innovation Competition 2022 (PPTNIVC '22)

PPT UTM National Virtual Innovation Competition (PPTNIVC) is an event serves as both an exposure and a competition platform for students to participate in various online activities such as Online Teaching/Learning, STEM Education, Education Games, Online Competitions, Research, and Online Laboratories.

Strategies, STEM Education, Education Games, Online Competitions, Research, and Online Laboratories, eLearning, and PPT students are encouraged to participate in the competition, which aim to instil lecturers' and students' interest in generating e-content, along with highlighting students' talents and abilities.

**Important Dates:**

- REGISTRATION : 3 - 10 Jan 2022 (Week 1)
- VIDEO AND EXTENDED ABSTRACT SUBMISSION : 10 - 14 Jan 2022 (Week 12)
- JUDGING SESSION (WEBINAR) : 17 - 21 Jan 2022 (Week 13)
- WINNER ANNOUNCEMENT (YOUTUBE LIVE) : 21 Jan 2022 (Week 14)

**Competition Rules:**

- Open to all PPT Students until Oct 2021 - Feb 2022.
- Facilitator is open to all interested participant.
- Maximum of 5 members per group (Combination of lecturers and students).
- Minimum of 3 entries per campus that offers pre-diploma programmes.
- Participants are allowed to submit more than one (1) entry.

**CLOSING CEREMONY BY DEPUTY VC/ STUDENT AFFAIRS DEPUTY VC (ACADEMICS AND INTERNATIONAL) UTM PROF. DR. MARYAM BINTI HANIFAH**

**Prizes And Awards:**

- Best Educational Innovation
- Best Research Project
- Best Extended Abstract
- Best Poster
- Best Video
- Best Overall Project
- Publication Opportunities

**Contact Us:**

To Dr. Wan Izwana Hanifah Zaini  
03-51571945

Maizah Odeen Jahan  
012-3333000

Nurulhasra Hassan  
016-9405000

Organised by: Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi UiTM

**BICARAWARA PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI!**

SABTU | 24 DESEMBER 2021 | 10.00 AM - 12.30 THAI

[fb.com/sigcicie](#) [UTMCP Channel](#)

ANDA TANYA, KAMI JAWAB

30X FREE QUESTIONS

25X FREE ANSWERS

PENGAMBILAN KEMASIHAN KE UTIM MELALUI PROGRAM PRA DIPLOMA

Hadir bersama bukan hanya dikenali sebagai pengalaman dan "Waktu"

**TAKLIMAT PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT) UiTM 2021**

03 DESEMBER 2021 | 10.00 pagi

Taklimat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) 2021 dan Sabah SPM 2021. Sekolah Mewajah Kebangsaan Negeri Sabah Baru Rajah

[QR Code](#)

[LIVE MEET](#)

**HALA TUJU PASCA SPM**

Program anjuran Pejabat PPT UiTM dengan kerjasama MBTHO

Penceramah : Prof. Madya Ts. Dr. Aini Jaapar Tarikh : 27 November 2021 (Sabtu) Masa : 10.00 Pagi - 12.00 Tengahari Medium : Google Meeting (Online)

[QR Code](#)

TERBUKA | SEMUA IBU BAPAK DAN

**KARNIVAL SUKAN PPT**


**KEJOHANAN BADMINTON DAN BOLA TAMPAR**

EMPAT KOMPLEKS UKAN

SEMUA JILOM DUIT

# **PROGRAM**

## **PPT UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**



### **SIRI 1 MODUL PSIKOLOGI PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA PARA PELAJAR PRA DIPLOMA DI U I T M CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH**

**TS. SITI NAFISAH MD RASHID**

nafisah@uitm.edu.my

Pada 3 Disember 2021 yang lalu, pelajar program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Kuala Pilah telah mengikuti siri 1 Modul Psikologi PPT yang dianjurkan oleh Unit Kerjaya & Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTMCNS. Program selama satu jam ini telah diadakan sepenuhnya secara atas talian, dan disertai oleh 100 orang pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Pra Diploma Sains (PD007/008) dan Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera) (AS002/003). Melalui perkongsian ini, topik *Mental Health* telah diketengahkan oleh penceramah iaitu Pn. Che Ku Fariyah bt Che Ku Abdul Satar, yang berkhidmat sebagai Pegawai Psikologi Kanan di UiTMCNS Kampus Kuala Pilah.

Melalui modul ini, para pelajar telah didedahkan dengan tren isu kesihatan mental yang dilihat semakin membimbangkan di negara kita. Ia bukan sahaja boleh dialami oleh orang dewasa, malah pelajar dan kanak-kanak juga tidak terkecuali. Justeru, amatlah penting untuk setiap pelajar cakna dengan penjagaan kesihatan diri daripada setiap aspek merangkumi fizikal, rohani, intelektual, sosial dan emosi.

Malah, pelbagai maklumat dan tips telah dikongsikan oleh Pn. Che Ku Fariyah sepanjang sesi ini berlangsung. Ia termasuklah beberapa amalan yang boleh diperaktikkan untuk penjagaan kesihatan mental, di samping tips berguna sepanjang mengikuti kuliah secara *Open and Distance Learning* (ODL) di UiTM. Di akhir program, Pn. Che Ku Fariyah telah berkongsikan satu terapi yang dinamakan sebagai teknik *grounding* yang boleh dilakukan oleh pelajar apabila mereka mengesan diri mereka mula menunjukkan tanda-tanda resah dan bimbang. Melalui teknik ini, ia sedikit sebanyak dapat membantu mereka untuk meredakan keresahan dan memberi ketenangan pada sistem saraf.

# **SIRI 2 MODUL PSIKOLOGI PRA PENDIDIKAN TINGGI BERSAMA PARA PELAJAR PRA DIPLOMA DI U I T M CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH**

**TS. SITI NAFISAH MD RASHID**

nafisah@uitm.edu.my




Pada 10 Disember 2021 yang lalu, pelajar program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Kuala Pilah telah mengikuti siri yang ke-2 Modul Psikologi PPT anjuran Unit Kerjaya & Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP), UiTMCNS. Program selama dua jam ini telah diadakan sepenuhnya secara atas talian, dan dihadiri oleh hampir 60 orang pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat Pra Diploma Sains (PD007/008) dan Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera) (AS002/003). Melalui perkongsian ini, Unit Kerjaya & Kaunseling telah menjemput Cik Wan Noradila selaku Pegawai Psikologi Kanan di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat untuk

Melalui modul ini, para pelajar telah diperkenalkan dengan dua jenis tekanan yang dinamakan sebagai *eustress* dan *distress*. *Eustress* merupakan satu tekanan yang bersifat positif, dan boleh merangsang seseorang individu untuk menjadi lebih bermotivasi dan berusaha untuk menggapai kejayaan dalam setiap perkara yang dilakukan. Sementara itu, bagi *distress* pula, ia adalah bersifat negatif dan boleh memberi kemudarat kepada kesihatan mental seseorang individu sekiranya ia tidak dirawat dengan segera. Di samping itu, para pelajar turut diperkenalkan

dengan ujian saringan awal untuk mengetahui tahap stress dan kemurungan yang dialami, yang dinamakan sebagai ujian DASS (*Depression, Anxiety and Stress Screening*). Ujian ini boleh dijawab secara atas talian, dan keputusannya akan diketahui seusai pelajar menjawab soalan tersebut.


Dalam modul siri 2 ini juga, Cik Wan Noradila turut berkongsi tanda-tanda awal atau simptom yang kebiasaannya dialami oleh individu yang mengalami tekanan melampau, selain konsep 10B yang boleh diamalkan untuk mengatasi masalah stress dalam kehidupan seharian. Konsep 10B tersebut adalah bersyukur, bernafas dengan teratur, bicara diri, beribadat, berkongsi perasaan, berehat daripada rutin, berurut, beriadah, bersenam dan berfikiran positif. Di akhir program, Cik Wan Noradila telah mengajar teknik '*square breathing*' yang boleh membantu individu yang *stress* untuk bernafas dengan betul supaya menjadi lebih relaks dan memberi ketenangan pada fikiran.



# **MODUL PSIKOLOGI SIRI 3 BERSAMA PELAJAR PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT)**

## **UI T M KUALA PILAH**

**TS. SITI NAFISAH MD RASHID**  
nafisah@uitm.edu.my



untuk menjadi seorang pelajar yang berjaya

Program Modul Psikologi Siri 3 bersama dengan para pelajar Pra Diploma Sains dan Pra Diploma Sains (Aliran STEM C dan Sastera) UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) telah diadakan pada 17 Disember 2021 yang lalu. Program ini merupakan siri yang terakhir anjuran Unit Kaunseling dan Kerjaya UiTMCNS khusus untuk pelajar PPT pada semester ini. Ia telah dijalankan sepenuhnya secara atas talian selama satu jam, menggunakan pelantar *Google Meet*, memandangkan kesemua pelajar masih mengikuti sesi kuliah secara ODL pada semester ini. Dalam modul kali ini, Unit Kaunseling dan Kerjaya telah menjemput En. Jamil bin Mohammed Sapari yang merupakan seorang pensyarah kanan di Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTMCNS, untuk berkongsi pengalaman dan tips

Mengetengahkan tajuk *Boost Your Action*, En. Jamil yang juga merupakan salah seorang alumni program Pra Diploma Sains di UiTMCNS Kampus Melang pada tahun 2000, telah menceritakan pengalaman peribadi dan transformasi yang berlaku dalam diri beliau sepanjang mengikuti pengajian di peringkat pra diploma, sehinggalah beliau berjaya mendapat jawatan tetap sebagai seorang pensyarah di UiTM. Melalui perkongsian ini, ia sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat dan memberikan motivasi kepada para pelajar, untuk terus berusaha dan menjadikan kegagalan pada masa lalu sebagai satu pembakar semangat untuk mengubah masa depan mereka untuk menjadi lebih berjaya.

Di samping itu, para pelajar juga telah diberikan beberapa *tips* dan teknik belajar yang lebih berkesan dan efektif untuk diperaktikkan sepanjang mengikuti kuliah secara ODL di UiTM. Antaranya adalah sentiasa membuat perancangan yang rapi, bangun awal, mengambil nota sewaktu kuliah, dan elakkan penyalahgunaan alat telekomunikasi sewaktu sesi kuliah berlangsung. Malah, para pelajar juga dinasihatkan untuk membuat ulang kaji dalam tempoh 48 jam selepas mempelajari sesuatu topik baru di dalam kelas. Ini bertujuan untuk meningkatkan daya ingatan pelajar selain menjadikan mereka untuk berfikir secara kritis dan kreatif.



Sesi fotografi bersama para peserta

# PROGRAM

## PEJABAT PPT UITM SHAH ALAM

### PPT UI TM NATIONAL VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2022

#### PPT UiTM National Virtual Innovation Competition

(PPTNVIC) ialah acara yang berfungsi sebagai pendedahan dan pertandingan untuk aktiviti berkaitan inovasi pendidikan seperti strategi pengajaran/pembelajaran dalam talian, pendidikan STEM, *education gaming* dan makmal dalam talian maya. Pensyarah, tenaga pengajar, dan pelajar PPT digalakkan menyertai pertandingan tersebut yang bertujuan untuk menyemai minat pensyarah dan pelajar dalam menjana e-kandungan, di samping menonjolkan bakat dan kebolehan pelajar dalam proses pembelajaran.



PPT UiTM Shah Alam menyediakan laman web khas untuk program PPTNVIC 2022 bagi segala aktiviti yang bakal berlangsung dalam program ini. Laman web ini bertujuan memberikan hebahan dari segi promosi, peraturan pertandingan dan penyertaan.

The main banner for the competition features the PPT logo, the Universiti Teknologi MARA logo, and the text "Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi". It highlights the "COMPETITION DATELINE" from "3 January 2022 TILL 14 January 2022". The central theme is "PPT UTM NATIONAL VIRTUAL INNOVATION COMPETITION 2022" with the tagline "Empowering students towards educational innovation".

**Important Dates:**

REGISTRATION	3 - 10 Jan 2022 (Week 11)
VIDEO AND EXTENDED ABSTRACT SUBMISSION	10 - 14 Jan 2022 (Week 12)
JUDGING SESSION (VIRTUAL)	17 - 21 Jan 2022 (Week 13)
WINNER ANNOUNCEMENT (YOUTUBE LIVE)	28 Jan 2022 (Week14)

**Competition Rules:**

- Open to all PPT Students intake Oct 2021 - Feb 2022.
- Facilitator is open to all interested participant.
- Maximum of 5 members per group (Combination of lecturers and students).
- Minimum of 3 entries per campus that offers pre-diploma program.
- Participants are allowed to submit more than one (1) entry.

**CLOSING CEREMONY BY DEPUTY VC (STUDENT AFFAIRS) FUNCTIONING AS DEPUTY VC (ACADEMICS AND INTERNATIONAL) UTM PROF DR. MOHD SAZLI SHAHIBI**

**Theme:** Educational Innovation.  
• Online Teaching/Learning Strategies.  
• STEM Education.  
• Educational Gaming.  
• Virtual Online Laboratories.

**Prizes And Awards:**

- Digital certificate and a Champion, 1st Runner or 2nd Runner award
- Main Awards:
  - Sapphire Prize - RM 300
  - Ruby Prize - RM 250
  - Emerald Prize - RM 200
  - Gold Prize - RM 150
  - Pearl Prize - RM 50
- Publication Opportunities:
  - All accepted EXTENDED ABSTRACT will be published in e-proceeding with isbn (English) and indexed in Google scholar (Open access).
- Best Facilitator Award - Certificate of Appreciation

**FREE PARTICIPATION**

**Contact Us:**

- Ts Dr Wan Zuraida Wan Mohd Zain wanzuraida@utm.edu.my 03-95210468
- Nur Nadia Ousair Juhari nadia@utm.edu.my 03-95206080
- Nurdiana Hassan nurdiana@utm.edu.my 04-4562132

Organised by: Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi UTM



Misi pencarian peserta PPTNVIC 2022 UiTM Cawangan Sabah.

# **PROGRAM**

## **PEJABAT PPT UITM SHAH ALAM**


### **LAWATAN MUHIBAH BENDAHARI UITM KE PEJABAT PPT**

SELASA, 30 Nov 2021: Lawatan Kerja Rasmi Bendahari UiTM (YBrs. Tn Haji Mazlan Hashim) ke Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT).



# **PROGRAM**

## **PPT UITM CAWANGAN PERAK**



### **KEMENANGAN PELAJAR PPT DALAM MEREBUT PIALA SILVER LION UI T M CAWANGAN PERAK**

**PN NOR ZARINA MOHD SALIM**  
norza919@uitm.edu.my

Seri Iskandar, 4 DISEMBER 2021

Piala Silver Lion telah diadakan julung kalinya di UiTM Cawangan Perak. Objektif utama adalah untuk mempelbagaikan aktiviti kepada pelajar-pelajar yang tinggal di kolej kediaman. Piala Silver Lion mempertandingkan acara bola jaring bagi siswi dan futsal bagi siswa.

Kontingen bola jaring pelajar PPT diketuai oleh Nurul Shazwani Mohd Yusoff dan kapten pasukan diterajui oleh Koordinator Unit PPT UiTM Cawangan Perak. Acara telah bermula seawal 8.00 pagi dan 5 perlawanan bagi setiap pasukan telah diadakan bagi menentukan tempat pertama, kedua dan ketiga. Acara berakhir pukul 12.50 tengahari dan penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar (TRHEP), Sr Dr. Mohd Azian Bin Zaidi.

Pelajar PPT telah memenangi tempat ke-3 dari 10 pasukan yang bertanding, membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM100, medal dan hamper. Syabas dan tahniah kepada pelajar PPT Perak.

# **PROGRAM**

## **PPT UITM CAWANGAN PAHANG**

### **PROGRAM VIRTUAL RUN PRA DIPLOMA PPT UITM PAHANG, KAMPUS JENGKA EN MOHD ZAHID LATON**

mzahidl@uitm.edu.my

Unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Pahang telah menganjurkan satu program *Virtual Run* UiTM Pahang pada 5 hingga 7 November 2021 bertujuan untuk memupuk bakat dan semangat kesukanan di kalangan para pelajar pra diploma di samping menggalakkan mereka menjalani kehidupan yang sihat dan sentiasa bersenam. Sejumlah 32 orang peserta telah menyertai *virtual run* ini dan daripada jumlah tersebut hanya dalam lingkungan 20 orang sahaja yang berjaya menamatkan larian penuh 10 km. *Virtual run* dibuat dengan larian samada satu hari atau larian 3 hari di mana jarak dan masa akan di kumpulkan untuk tujuan pengiraan 10 kilometer. Semua larian di rekodkan dengan menggunakan apps seperti Strava, Samsung apps, Huawei apps dan beberapa apps yang lain yang difikirkan sesuai. Semua peserta dimestikan merekodkan setiap larian dan masa larian untuk tujuan pelaporan dan bukti penyertaan. Catatan masa yang diperolehi adalah dalam lingkungan 54.68 hingga 81 minit bagi peserta lelaki (termasuk pengiraan ketinggian/elevation jalan, masa, dan jarak). Manakala bagi peserta perempuan jumlah masa yang berjaya dicatatkan adalah dalam lingkungan 60.71 sehingga 147.25 minit termasuk *elevation*, jarak dan masa larian. Keseluruhan kilometer larian yang perlu ditamatkan adalah berjumlah 10 kilometer atau bersamaan dengan 15,000 langkah.




# PROGRAM

## PPT UITM CAWANGAN JOHOR

### LIMA EPISOD MOTIVASI PPT U IT M CAWANGAN JOHOR


SITI ZARIKH SOFIAH ABU BAKAR, WAN NORADILA WAN MOHD ZAIN

sitz148@uitm.edu.my



Episod 1: Learning at Your Fingertips  
(21/10/2021, 12-1pm)

Penceramah : Cik Nur Amirah (Kaunselor Pelatih)




Episod 2: Motivasi Diri & Pengurusan Stress  
(28/10/2021, 12-1pm)

Penceramah : Cik Aina Najwa (Kaunselor Pelatih)



Episod 3: English is Super Fun  
(11/11/2021, 12-1pm)

Penceramah:Cik Siti Zarikh Sofiah (Koordinator PPT)



Episod 4: Self-Care Untuk Kesihatan Mental  
(02/12/2021, 12-1pm)

Penceramah:Cik Wan Noradila (Pegawai Psikologi Kanan)

Mendepani pandemik Covid-19 merupakan satu cabaran yang tidak dapat tidak dilalui oleh semua penduduk bumi tanpa mengira peringkat umur. Justeru, Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Cawangan Johor, Kampus Segamat meneruskan usaha murni mereka dalam menyantuni pelajar-pelajar Pra Pendidikan Tinggi (PPT) di kampus ini bagi memastikan motivasi mereka tidak mudah luntur.


Meskipun diuji dengan pandemik, penerapan kemahiran insaniah dalam diri pelajar yang dilihat memainkan peranan dalam membangunkan potensi diri mereka seoptima mungkin tetap diketengahkan. Dalam usaha membantu meningkatkan pembangunan diri pelajar PPT, Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat dengan kerjasama Koordinator Pra Pendidikan Tinggi telah melaksanakan Program Motivasi Diri bersama Pelajar PPT.

Program Motivasi Diri Bersama Pelajar PPT dengan kekuatan 102 pelajar dan 5 penceramah ini melalui lima episod menarik bermula Oktober 2021 sehingga Disember 2021. Antara objektif program ini adalah:

1. Memberi kesedaran kepada pelajar akan pentingnya mereka mengenali diri sendiri agar dapat membentuk tabiat serta sikap positif dalam diri.
2. Mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai diri mereka melalui pendekatan yang bersesuaian. (Maklumat yang diperolehi akan dapat digunakan untuk mengatur langkah penambahbaikan diri).
3. Meningkatkan kesedaran diri dan pembentukan sahsiah yang lebih baik.
4. Meningkatkan pemahaman mengenai teknik belajar berkesan, pengurusan tekanan dan penjagaan kesihatan mental yang sihat.

Lima Episod Motivasi PPT UiTMCJ ini dijalankan secara dalam talian menggunakan aplikasi *Google Meet* demi menyahut seruan global dalam usaha memutuskan rantaian jangkitan virus berbahaya Covid-19 dengan mengelakkan perhimpunan dalam skala yang besar. Semoga dengan terlaksananya program ini akan dapat memberi input berguna kepada pelajar PPT dalam menerapkan motivasi diri yang tinggi serta penetapan matlamat yang lebih jelas bagi membolehkan mereka belajar dengan lebih efektif di universiti.

Diharapkan juga dengan pelaksanaan program ini dapat merealisasikan aspirasi UiTM untuk melahirkan para pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik malah cemerlang dari segi sahsiah, akhlak dan kendiri.



Episod 5: Kenali Minat & Halatuju Kerjaya  
(09/12/2021, 12-1pm)

Penceramah:Puan Rajwani (Pegawai Psikologi Kanan)

# ALUMNI

## PPT UiTM CAWANGAN SABAH

### ASMAD, PERMATA ALUMNI PRA DIPLOMA UI T M SABAH

MULIYADI GULING, KEVIN ALVIN ESWAR, & JEMAT JUHAILI@BASRI

mulyadi@uitm.edu.my



Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan kepada Encik Asmad Mohd Noor (kanan)

Encik Asmad Mohd Noor mengikuti aktiviti Kembara Merdeka UiTM bersama rakan-rakan sekerja



Encik Asmad Mohd Noor (paling kanan) mengetuai aktiviti riadah bersama pelajar PPT UiTMCSH Kampus Tawau

Pengalaman berguru dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di UiTM Cawangan Sabah (UiTMCSH) Kampus Kota Kinabalu selama lebih 10 tahun cukup berharga buat Encik Asmad Mohd Noor, Pegawai Eksekutif Kanan UiTMCSH Kampus Tawau. Ilmu yang beliau peroleh dari staf yang berpengalaman di Bahagian Pengrusan dan Pentadbiran UiTMCSH telah menjadi permata paling berharga sepanjang kariernya. Malah, penghijrahannya ke UiTMCSH kampus Tawau sejak 2019 turut melengkapkan laluan kerjaya dalam bidang pengurusan dan pentadbiran. Pada 25 November 2021 yang lalu, beliau telah secara rasmi menerima surat kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Eksekutif Kanan.

Justeru, tidak hairan mengapa sentuhannya sangat diperlukan oleh UiTMCSH Kampus Tawau. Sebelum ini, Hal Ehwal Pentadbiran UiTMCSH Kampus Tawau diketuai oleh Koordinator Kampus yang turut terlibat dalam pengurusan Hal Ehwal Akademik dan Hal Ehwal Pelajar Pra Diploma di bawah Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM. Walaupun baharu menyertai pengurusan di kampus, namun sentuhannya telah berjaya membantu meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran khususnya UiTMCSH Kampus Tawau. Katanya, sebab utama mengapa beliau memilih untuk berhijrah ke kampus Tawau adalah kerana adanya pelan jangka panjang kampus yang akan menawarkan program di peringkat diploma. "Kampus Tawau sebenarnya mempunyai potensi untuk dibangunkan. Dengan adanya pelan perancangan strategik yang terbaik, tidak mustahil kita mampu membangunkan kampus dengan memenuhi piawai setara dengan kampus UiTM yang lain," ujarnya.

Ditanya adakah beliau bersedia untuk berpindah semula ke kampus Kota Kinabalu atau ditugaskan ke kampus lain selepas ini, alumni Pra Diploma Perdagangan itu mengakui sedia mencurah bakti walau di mana jua. Namun, buat masa ini beliau gembira untuk berkhidmat di UiTMCSH kampus Tawau bagi menambah pengalaman dengan lebih baik. Beliau yang merupakan anak jati kelahiran Sandakan, Sabah juga telah dilantik sebagai Staf Residen Kolej Kediaman, Pegawai Perhubungan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) UiTM.

# **ALUMNI**

## **PPT UITM CAWANGAN PERAK**



### **VIRTUAL "SHARING SESSION: YOU CAN DO IT"**

#### **BERSAMA ALUMNI PPT UI T M PERAK**


**PN NOR ZARINA MOHD SALIM**

[norza919@uitm.edu.my](mailto:norza919@uitm.edu.my)

5 Oktober 2021

Pada Sesi Oktober 2021 seramai 216 pelajar telah mendaftar sebagai pelajar PPT di UiTM Cawangan Perak. Bagi memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar baru PPT, satu program perkongsian maklumat oleh Alumni PPT telah diadakan pada 5 Oktober 2021. Perkongsian maklumat ini meliputi 3 aspek:

1. Panduan dan tips pembelajaran cemerlang telah disampaikan oleh Alumni PPT/MDAB: Nurulshifa' Binti Abdul Haleng (Anugerah pelajar Cemerlang MDAB Tahun 2017)
  2. Cabaran dan halatuju pelajar PPT disampaikan oleh Ahmad Syafiq (Anugerah pelajar Harapan MDAB Tahun 2017)
  3. Kehidupan dan cabaran pelajar PPT dikampus disampaikankan oleh Syahanim Binti Subri dan Nurrurafiqah Binti Badron (Alumni PPT Tahun 2020)
- Perkongsian ini mendapat pelbagai reaksi dari pelajar baru PPT, menambah keyakinan diri dan semangat mereka untuk berjaya seperti mana pelajar-pelajar PPT sebelum ini.



# **SUKAN**

## **PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN PELAJAR PPT**


### **PENGLIBATAN DAN KEMENANGAN PELAJAR PPT DALAM ACARA SUKAN DAN REAKREASI**



Penglibatan pelajar PPT dalam acara sukan mendapat sambutan yang baik selepas pelajar diberikan kebenaran untuk menetap di kolej mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan. Objektif utama acara sukan banyak dijalankan adalah untuk memupuk gaya hidup sihat dan menjadi ejen perpaduan dalam kalangan pelajar. Jutaan terima kasih kepada pihak penganggar acara sukan kerana sudi menerima penglibatan pelajar PPT. Ucapan tahniah dan terima kasih juga diucapkan kepada semua pelajar PPT yang aktif menyertai acara sukan dan memperoleh kemenangan dari acara sukan yang dijalankan.



4 Disember 2021- Kontingen bola jaring pelajar PPT memenangi tempat ke-3 dari 10 pasukan yang bertanding dan telah diketuai oleh Nurul Shazwani Mohd Yusoff dan kapten pasukan diterajui oleh Koordinator Unit PPT UiTM Cawangan Perak, Puan Nor Zarina Mohd Salim.



5 -7 Disember 2021- Penglibatan pelajar PPT dalam acara *Virtual Run* yang dianjurkan oleh unit Pra Pendidikan Tinggi (PPT) UiTM Pahang.



12 Disember 2021- Pra-Atlet Pertandingan bola tampar UiTM cawangan Selangor telah yang diadakan untuk pelajar memperoleh pencapaian PPT yang berada di kolej di sebagai naib juara bagikampus Seri Iskandar, Perak. kategori perempuan dan mendapat tempat ke-3 bagi kategori beregu lelaki dalam perlwanan persahabatan badminton secara tertutup bersama pelajar PLK-PDRM.



# **PRIHATIN**

## **PPT UITM CAWANGAN PULAU PINANG**

### **INFAK: SUMBANGAN BSN CARE KEPADA PELAJAR PPT B40 UITM CAWANGAN PULAU PINANG**

**SUHAIZA HASAN**

suhaiiza@uitm.edu.my

Alhamdulillah, pada 22 Disember 2021 berlangsungnya penyerahan 17 kotak sumbangan BSN Care kepada para pelajar PPT B40 di UiTM Pulau Pinang. Sumbangan diagihkan kepada pelajar dari kampus Permatang Pauh, kampus Bertam dan kawasan berdekatan. Jutaan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIMA), PM Dr. Nor Aziyah Binti Bakhari, *Office of Industry, Community and Alumni Network (ICAN)* Dr. Nor Azlan Othman atas inisiatif dan peluang untuk membantu meringankan beban pelajar PPT di musim pandemik ini.



Sumbangan kepada pelajar PPT golongan B40 di kampus Permatang Pauh.



Makan dan penyampaian sumbangan BSN Care kpd pelajar PPT di Kampus Bertam.



Taman Guar Perahu, sumbangan BSN Care kepada pelajar PPT dan merupakan adik alumni PPT cawangan Pulau Pinang.



Ijok Batu Kurau Perak, sumbangan kepada anak yatim yang merupakan pelajar PPT Pra Diploma Sains UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP).

## **INFAK: SUMBANGAN KOMPUTER KEPADA PELAJAR PPT UITM CAWANGAN PULAU PINANG**

**SUHAIZA HASAN**

suhaiiza@uitm.edu.my

Alhamdulillah, pada 29 Disember 2021 pihak UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berkongsi rezeki kepada dua pelajar PPT UiTMCPP yang menerima komputer riba baru yg disampaikan oleh PM Dr. Nor Aziyah Bakhari, TR PJIMA dan Dr. Nor Azlan Othman Koordinator ICAN. Semoga ia memberi suntikan semangat buat pelajar PPT utk terus menimba ilmu dan melanjutkan pengajian di UiTMCPP. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Bahagian PJIMA UiTMCPP. Sumbangan komputer riba ini merupakan sumbangan daripada THB.



7 Disember 2021- Bantuan pendidikan 2021 berupa baucer makanan selama 10 hari telah diberikan kepada 20 pelajar PPT B40 UiTMCPP bagi meringankan beban mereka di universiti.



# PRIHATIN

## PPT UITM CAWANGAN PAHANG

### BANTUAN BANJIR DI KAWASAN YANG TERJEJAS DI PAHANG

EN MOHD ZAHID LATON

mzahidl@uitm.edu.my



Pada 22 Disember 2021, Pasukan Sukarelawan UiTM cawangan Pahang kampus Jengka menjalankan misi bantuan banjir di Kampung Bintang dan Kampung Teluk Ira di Temerloh, Pahang. Misi bantuan telah diselaraskan oleh En. Mohd Zahid Laton (Koordinator PPT UiTM Cawangan Pahang Kampus Jengka) dan pelajar PPT, bekerjasama dengan Karisma Humanitarian *Outreach Mission* (KHAM). Bantuan yang dihulurkan diberikan dari segi tenaga fizikal dan keperluan harian dalam bentuk makanan kering, air minuman, dan makanan dalam tin.



# PRIHATIN

## PENGARAH PPT UITM

### INFAK: BANTUAN BANJIR DI KAWASAN YANG TERJEJAS DI SELANGOR



Pada 26 Disember 2021, Pengarah PPT UiTM Shah Alam, PM Ts. Dr. Aini Jaapar telah turun padang dalam memberikan bantuan makanan dan barang keperluan kepada pelajar PPT tahun 2021 yang terjejas akibat banjir.



3 pek daripada sumbangan di ambil dari pusat kokurikulum untuk tiga pelajar PPT UiTM Permatang Pauh yang terjejas.



# **BERITA STAF**

## **TERIMA KASIH: STAF YANG BERPINDAH**

### **PUAN ROSDIANA ABD RAZAK**

Jawatan: Felo Promosi & Alumni

Tarikh Tamat Perkhidmatan: 13 Ogos 2021

### **EN AHMAD SHAHRI AZWAN BIN ABD RAHIM**

Jawatan: Penolong Pendaftar Kanan

Tarikh Tamat Perkhidmatan: 11 Oktober 2021

## **SELAMAT DATANG: STAF YANG BARU DILANTIK PERKHIDMATAN**

### **DR. LEYLAWATI JOREMI**

Jawatan: Felo Promosi & Alumni

Tarikh Mula Perkhidmatan: 20 Ogos 2021

### **ENCIK FALEX J. LANGKAN**

Jawatan: Penyelaras PPT UiTM Cawangan Sabah

Tarikh Mula Perkhidmatan: 24 Ogos 2021

### **PUAN ASMAWATI @ FATIN NAJIHAH ALIAS**

Jawatan: Penyelaras PPT UiTM Cawangan Johor

Tarikh Mula Perkhidmatan: 24 Ogos 2021

### **TS SYED HARUN SYED MOHD**

Jawatan: Penolong Pendaftar Kanan

Tarikh Mula Perkhidmatan: 8 November 2021

## **UCAPAN TAHNIAH**

### **TAHNIAH UNIT PPT U T MCPP**

atas kemenangan tempat pertama bagi kategori HEA terbaik sempana Academic Award & HEA Engagement Day UiTMCPP 2021

### **TAHNIAH PN. NOR ZARINA MOHD SALIM**

selaku Koordinator PPT Cawangan Perak diatas pelantikan semula sebagai Koordinator Program Pra Pendidikan Tinggi Universiti teknologi MARA Cawangan Perak yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2021

### **TAHNIAH PROF. MADYA TS. DR. AINI JAAPAR**

selaku Pengarah PPT diatas pelantikan semula sebagai pengarah Program Pra Pendidikan Tinggi Universiti teknologi MARA yang berkuatkuasa pada 15 November 2021.

## **UCAPAN TAKZIAH**

**23 NOVEMBER 2021**

Pn Juriah Misbah, staf pentadbiran yang pernah berkhidmat di MDAB/ PPT, telah kehilangan anak tersayang. Semoga arwah anak beliau ditempatkan bersama golongan yang beriman.

**2 DISEMBER 2021**

Prof. Madya Dr. Mazlina Mahdzar, Ketua Unit Akademik PPT, telah kehilangan suami tercinta. Semoga arwah suami beliau ditempatkan bersama golongan yang beriman.

**17 DISEMBER 2021**

Puan Suhaiza Hasan, Koordinator PPT UiTM Cawangan Pulau Pinang, telah kehilangan ibu tersayang. Semoga arwah ibu beliau ditempatkan bersama golongan yang beriman.

# **RAKAN STRATEGIK**



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Pengambilan Pelajar



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Bahagian  
Zakat, Sedekah  
dan Wakaf



**YAYASAN**



**iCEPS**

INSTITUTE OF CONTINUING  
EDUCATION & PROFESSIONAL STUDIES





# TABUNG AMANAH PPT

*Jom Menyumbang Kepada  
Pelajar Pra Diploma B40*

Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT), UiTM telah memberi peluang pendidikan kepada lebih **43,000** pelajar B40. Sebahagian mereka telah berjaya menyambung dan menamatkan pengajian di peringkat Diploma, Ijazah dan Pasca Siswazah.

Akaun Bank:



**105140003422**  
Bendahari UiTM

Potongan Gaji  
Warga UiTM:

**Fin ePortal**  
[myfinancial.uitm.edu.my](http://myfinancial.uitm.edu.my)

Tabung Amanah  
Pra Pendidikan Tinggi

**Fin ePay**



\*Sumbangan anda layak untuk pengecualian cukai

**Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)**

Kompleks Antarabangsa  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: 03-5521 1443/1448  
Fax: 03-5543 7969



[pptuitm](#)



[pppt.uitm.edu.my](#)



[pppt@uitm.edu.my](mailto:pppt@uitm.edu.my)

# Fasa Penawaran

## Pra Diploma Mac 2022

### FASA 1

### FASA 2

**Tempoh Proses Borang  
Lengkap & Layak**

01 Disember 2021 –  
19 Januari 2022

02-28 Februari 2022

**Tarikh Keputusan /  
Masa diumumkan**

01 Februari 2022  
5.00 petang

10 Mac 2022  
5.00 petang

**Klik Setuju Terima  
Tawaran**

01 Februari 2022 –  
20 Mac 2022

10-20 Mac 2022

**Pendaftaran pelajar  
secara online**

01 Februari 2022  
20 Mac 2022

10-20 Mac 2022

**Semakan Hebah Keputusan di <https://online.uitm.edu.my>**

- (1) Calon yang ditawarkan dan menerima tawaran perlu melaksanakan klik setuju terima tawaran dengan kadar segera
- (2) Calon yang tidak membuat keputusan samada setuju terima tawaran akan dianggap sebagai menolak tawaran
- (3) Tempoh klik setuju terima tawaran adalah bergantung kepada jumlah calon yang menerima tawaran

# Carta Alir Pendaftaran Sehingga Minggu Kuliah **PELAJAR BARU PRA DIPLOMA**

Sesi Mac 2022

## Setuju Terima Tawaran


<https://online.uitm.edu.my>

1



## Lengkapkan dan patuhi tatacara pendaftaran

2



6

## Mengikuti kuliah secara ODL



5

## Mengikut program Minggu EDU5.0



4

## Mengikut program Minggu Destini Siswa



3



## Muat naik gambar di Portal Pelajar

[istudent.uitm.edu.my](http://istudent.uitm.edu.my)

1- Lengkap dan cetak semua borang pendaftaran..  
Fotokopi semua dokumen (Sijil lahir, KP, Slip Gaji dll)  
Pastikan dokumen dicop dan disahkan.

Sediakan **dua (2)** set salinan kesemua borang & dokumen berkenaan:

(a) 1 Set salinan dihantar secara pos ke Pejabat Hal Ehwal Akademik (HEA) Kampus Cawangan  
**(2 Ogos - 26 Sept 2021)**

(b) 1 Set salinan dibawa sendiri ke kampus UiTM untuk urusan kolej (asrama) dan urusan yang berkaitan.

2- Pembayaran yuran pengajian

**(Untuk pelajar BA003, PD008, AT002, AS003 sahaja)**

## SEMUA AKTIVITI DILAKSANAKAN SECARA ATAS TALIAN (ONLINE)

Pelajar perlu sentiasa mendapatkan informasi terkini di portal pelajar: <https://istudent.uitm.edu.my>

### Makluman:

- Minggu Destini Siswa (MDS) adalah minggu suai kenal pelajar baru
- Minggu EDU 5.0@UiTM adalah untuk memperkenalkan kaedah pembelajaran & pengajaran secara Open and Distance Learning (ODL).
- Kuliah adalah secara ODL

# PROGRAM PRA PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Peluang melanjutkan pengajian di UiTM melalui laluan **Pra Diploma**



Terbuka untuk calon SPM  
Tahun Semasa & 5 Tahun belakang  
SPM 2020, 2019, 2018, 2017, 2016 & 2015

- PRA DIPLOMA PERDAGANGAN
- PRA DIPLOMA SAINS
- PRA DIPLOMA AGROTEKNOLOGI
- PRA DIPLOMA SAINS (ALIRAN STEM C & SASTERA)
- PRA DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM

## PRA DIPLOMA PERDAGANGAN (BA002 & BA003)

Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu  
LULUS Sejarah  
LULUS Bahasa Inggeris  
LULUS Matematik / Matematik Tambahan

## PRA DIPLOMA SAINS (PD007 & PD008)

Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu  
LULUS Sejarah  
LULUS Bahasa Inggeris  
KEPUJIAN Matematik / Matematik Tambahan  
LULUS Fizik / Kimia / Biologi / Sains Tambahan

## PRA DIPLOMA AGROTEKNOLOGI (AT001 & AT002)

Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu  
LULUS Sejarah, LULUS Bahasa Inggeris  
LULUS Matematik / Matematik Tambahan  
LULUS 1 daripada mana-mana pelajaran berikut:  
Pertanian / Fizik / Kimia / Biologi / Sains /  
Sains Tambahan / Ekonomi / Perniagaan /  
Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan

## PRA DIPLOMA SAINS (ALIRAN STEM C & SASTERA) (AS002 & AS003)

Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu  
LULUS Sejarah  
LULUS Bahasa Inggeris  
KEPUJIAN Matematik / Matematik Tambahan  
Mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam mata pelajaran Sains

## PRA DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM (IC001 & IC002)

Program Baharu bermula Mac 2022

Minimum 3 kredit termasuk Bahasa Melayu  
LULUS Sejarah, LULUS Bahasa Inggeris, LULUS Matematik / Matematik Tambahan  
LULUS Bahasa Arab / Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab (Komunikasi)/ Turath Bahasa Arab /  
Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah / Al-Adab Wa Al-Balaghah  
LULUS Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syariah  
Islamiah / Turath al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasah Islamiah / Usul Al-Din / Al-Syariah /  
Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah

Kategori Permohonan:

PPT B40

PPT BUKAN B40

PPT ATLET

PPT ORANG ASLI

### PPT B40

- ✓ Percuma Yuran Pengajian & Kolej Kediaman
- ✓ Elaun Sara Hidup Sepanjang Tempoh Pengajian daripada RM 800 Sehingga RM 1700 (1 Semester)
- ✓ Pelajar Lulus Program Ini DIJAMIN Ke Lebih 60 Program Diploma UiTM
- ✓ Anak-anak Melayu dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa **KURANG** dari RM5,000 sebulan
- ✓ Terbuka juga kepada PPT-Atlet

### PPT BUKAN B40

- ✓ Membayar Yuran Pengajian & Kolej Kediaman
- ✓ Tiada Elaun Sara Hidup Sepanjang Tempoh Pengajian
- ✓ Pelajar Lulus Program Ini DIJAMIN Ke Lebih 60 Program Diploma UiTM
- ✓ Anak-anak Melayu dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang berpendapatan (gaji kasar) ibubapa **LEBIH** dari RM5,000 sebulan
- ✓ Terbuka juga kepada PPT-Atlet

### PPT ATLET

- ✓ Anak-anak Melayu, Orang Asli dan Anak negeri Sabah / Sarawak di bandar dan luar bandar yang aktif penglibatan dalam sukan.

### PPT ORANG ASLI

- ✓ Anak-anak Orang Asli di bandar dan luar bandar.
- ✓ Yuran pengajian ditanggung sepenuhnya oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Permohonan dibuka secara dalam talian melalui pautan [online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)

Untuk Informasi Terkini :

Pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi  
Kompleks Antarabangsa  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor DE

+603-55211443/1448/1449  
+603-5543 7969

pptuitm  
pppt.uitm.edu.my  
pppt@uitm.edu.my

UiTM di hatiku  
zz#ppt2021\_versi\_4/21

# PRA DIPLOMA SAINS

## SYARAT KEMASUKAN

- Lulus SPM atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minimum **TIGA (3)** kredit / kepujian termasuk **Bahasa Melayu**
- Lulus Sejarah (Mula diguna pakai SPM 2013)
- Lulus Bahasa Inggeris
- Kepujian Matematik /Matematik Tambahan
- Lulus 1 daripada mana-mana mata pelajaran berikut:
  - Fizik
  - Kimia
  - Biologi
  - Sains Tambahan
- Kategori Permohonan
  - PD007 - Kategori Pemohon B40
  - PD008 - Kategori Pemohon Bukan B40

## SUBJEK / KURSUS

Tempoh Pengajian: 1 Semester (6 Bulan)

Kod Kursus	Subjek
ELC010	Bahasa Inggeris untuk Pra Diploma
CHM083	Kimia untuk Pra Sains
PHY083	Fizik untuk Pra Sains
MAT083	Matematik Asas untuk Pra Sains
BIO083	Biologi untuk Pra Sains*
MAT086	Matematik Perantaraan untuk Pra Sains*
UED102	Study Skills

\*Subjek Elektif



## PENAWARAN DI KAMPUS

- UiTM Pahang (Kampus Jengka)
- UiTM P. Pinang (Kampus Permatang Pauh)
- UiTM Negeri Sembilan (Kuala Pilah)
- UiTM Sarawak (Kampus Mukah)
- UiTM Sabah (Kampus Tawau)
- UiTM Perlis (Kampus Arau)
- UiTM Terengganu (Kampus Bukit Besi)
- UiTM Johor (Kampus Pasir Gudang)

## PENERAPAN KE DIPLOMA

Lulus Naik Taraf (LNT) dengan minimum **CGPA 2.00**, tertakluk kepada syarat-syarat khas program

Lebih 60 program Diploma UiTM

## Tatacara Permohonan

### 1 NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada  
[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)

### 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan  
[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)

### 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui  
[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)

# Pra Diploma **PERDAGANGAN**

## SYARAT KEMASUKAN

- Lulus SPM atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minimum **TIGA (3)** kredit / kepujian termasuk **Bahasa Melayu**
- Lulus Sejarah (Mula diguna pakai SPM 2013)
- Lulus Bahasa Inggeris
- Lulus Matematik / Matematik Tambahan
- Kategori Permohonan
  - BA002 - Kategori Pemohon B40
  - BA003 - Kategori Pemohon Bukan B40



## PENERAPAN KE DIPLOMA

Lulus Naik Taraf (LNT) dengan minimum **CGPA 2.00**, tertakluk kepada syarat-syarat khas program

Lebih **40** program Diploma UiTM

## SUBJEK / KURSUS

Tempoh Pengajian: 1 Semester (6 Bulan)

Kod Kursus	Subjek
ELC030	English for Pre Diploma
ACC030	Introduction To Accounting
MAT037	Intensive Mathematic 1
MGT028	Introduction To Business
CTU001	Pengantar Pembangunan Insan <small>*untuk pelajar beragama Islam*</small>
IDA002	Pengantar Etika Sosial <small>*untuk pelajar bukan beragama Islam*</small>
UED102	Study Skills

## PENAWARAN DI KAMPUS

- UiTM Pahang (Kampus Jengka)
- UiTM P. Pinang (Kampus Permatang Pauh)
- UiTM Melaka (Kampus Alor Gajah)
- UiTM Sarawak (Kampus Mukah)
- UiTM Sabah (Kampus Tawau)
- UiTM Perlis (Kampus Arau)
- UiTM Terengganu (Kampus Dungun)
- UiTM Johor (Kampus Segamat)
- UiTM Kedah (Kampus Sungai Petani)
- UiTM Perak (Kampus Seri Iskandar)
- UiTM Kelantan (Kampus Machang)
- UiTM Selangor (Kampus Puncak Alam)\*

\*Laluan PPT Atlet Sahaja

## Tatacara Permohonan

### 1 NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



### 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan

[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)



### 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)





# Pra Diploma **AGROTEKNOLOGI**



## SYARAT KEMASUKAN

- Lulus SPM atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minimum **TIGA (3)** kredit / kepujian termasuk **Bahasa Melayu**
- Lulus Sejarah (Digunakan sejak SPM 2013)
- Lulus Matematik/Matematik Tambahan
- Lulus Bahasa Inggeris
- Lulus 1 daripada mana-mana mata pelajaran berikut:
  - Pertanian / Fizik / Kimia / Biologi /Sains / Sains Tambahan / Ekonomi / Perniagaan / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan
- Kategori Permohonan
  - AT001** - Kategori Pemohon B40
  - AT002** - Kategori Pemohon Bukan B40

## SUBJEK / KURSUS

Kod Kursus	Subjek
ELC010	Bahasa Inggeris Pra Diploma 1
MAT083	Matematik Asas untuk Pra Sains
AGR042	Asas Agroteknologi
AGR022	Asas Sains Tumbuhan
AQU007	Asas Sains Akuakultur
UED102	Study Skills

Tempoh Pengajian: 1 Semester (6 Bulan)

## TATACARA PERMOHONAN

### 1 NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



### 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan

[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)



### 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui

[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



## Maklumat lanjut:

Versi 5/2021 kemaskini: 19112021



[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



[pptuitm](#)



<https://pppt.uitm.edu.my>  
<https://tawk.to/pptuitm>

# Pra Diploma ALIRAN STEM C & SASTERA



## SYARAT KEMASUKAN

### ✓ SYARAT AM UNIVERSITI

- Lulus SPM atau yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat **minimum 3 kredit / kepujian** termasuk Bahasa Melayu
- Lulus Sejarah (Digunakan sejak SPM 2013)

### ✓ SYARAT KHAS PROGRAM

- Kepujian Matematik/Matematik Tambahan
- Lulus Bahasa Inggeris
- Mendapat sekurang-kurangnya **Gred B** dalam mata pelajaran Sains

### ✓ KATEGORI PERMOHONAN

- AS002 - Kategori Pemohon B40
- AS003 - Kategori Pemohon Bukan B40

### ✓ PENERAPAN KE PROGRAM DIPLOMA

- Lulus Naik Taraf (LNT) dengan minimum CGPA 2.00, tertakluk kepada syarat-syarat khas program

## PENAWARAN DI KAMPUS

- UiTM Negeri Sembilan (Kuala Pilah)
- UiTM Perlis (Arau)
- UiTM Pulau Pinang (Permatang Pauh)
- UiTM Pahang (Jengka)
- UiTM Terengganu (Bukit Besi)
- UiTM Sarawak (Mukah)
- UiTM Sabah (Tawau)
- UiTM Johor (Pasir Gudang)



### 1 NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada  
[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



### 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan  
[online.uitm.edu.my/ppt](http://online.uitm.edu.my/ppt)



### 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui  
[pptshahalam@uitm.edu.my](mailto:pptshahalam@uitm.edu.my)



### ✓ TEMPOH PENGAJIAN

- 2 Semester - 1 Tahun

### ✓ SUBJEK / KURSUS

#### Semester 1

Kod Kursus	Subjek
ELC010	English for Pre Diploma I
CHM081	Chemistry for Pre Diploma I
PHY081	Physics for Pre Diploma I
MAT081	Mathematics for Pre Diploma I
UED102	Study Skills
*BIO081	Biology for Pre Diploma I
*MAT084	Intermediate Mathematics for Pre Diploma I

#### Semester 2

Kod Kursus	Subjek
ELC020	English for Pre Diploma II
CHM082	Chemistry for Pre Diploma II
PHY082	Physics for Pre Diploma II
MAT082	Mathematics for Pre Diploma II
*BIO082	Biology for Pre Diploma II
*MAT085	Intermediate Mathematics for Pre Diploma II

\*Subjek Elektif





# Pra Diploma

# **PENGAJIAN ISLAM**



## SYARAT KEMASUKAN

- ⦿ Lulus SPM atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat minimum **TIGA (3)** kredit / kepujian termasuk **Bahasa Melayu**
- ⦿ Lulus Sejarah (Mula diguna pakai SPM 2013)
- ⦿ Lulus Matematik /Matematik Tambahan
- ⦿ Lulus Bahasa Inggeris
- ⦿ Lulus 1 daripada mana-mana mata pelajaran berikut:
  - Bahasa Arab / Bahasa Arab Tinggi / Bahasa Arab Komunikasi / Turath Bahasa Arab / Al-Lughah Al-Arabiah Al-Mu'asirah / Al-Adab Wa Al-Balaghah
  - Pendidikan Islam / Tasawwur Islam / Al-Syariah Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah / Pendidikan Syariah Islamiyah / Turath Al-Quran dan Al-Sunnah / Turath Dirasat Islamiyah / Usul Al-Din / Manahij Al-'Ulum Al-Islamiah
- ⦿ Kategori Permohonan
  - IC001 - Kategori Pemohon B40
  - IC002 - Kategori Pemohon Bukan B40

## SUBJEK / KURSUS

Kod Kursus	Subjek
ELC030	English for Pre Diploma
CTU001	Pengantar Pembangunan Insan
TAS080	Intensive Arabic Course for Islamic Studies
ISC010	Konsep Ilmu Dalam Islam
ISC012	Pengenalan Fiqh Halal dan Haram
MAT081	Mathematics 1 (Basic)
UED102	Study Skills

Tempoh Pengajian: 1 Semester (6 Bulan)

### Tatacara Permohonan

#### 1 NO PIN

Emel butiran (Nama, No. MyKad, No. Telefon) untuk mendapatkan no pin kepada  
pptshahalam@uitm.edu.my



#### 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan  
online.uitm.edu.my/ppt



#### 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui  
pptshahalam@uitm.edu.my



### Maklumat lanjut:

Versi 2/2021 kemaskini: 19/11/2021



pptshahalam@uitm.edu.my



pptuitm


<https://pppt.uitm.edu.my>  
<https://tawk.to/pptuitm>


## PENAWARAN DI KAMPUS

- UiTM Sarawak (Kota Samarahan 2)
- UiTM Terengganu (Dungun)
- UiTM Negeri Sembilan (Kuala Pilah)

## PENERAPAN KE DIPLOMA

Lulus Naik Taraf (**LNT**) dengan minimum **CGPA 2.00**, tertakluk kepada syarat-syarat khas program

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

✓ Diploma Muamalat (IC110)

✓ Diploma Pengurusan Halal (IC120)

# 3 Langkah Mudah

Permohonan Program  
Pra Diploma UiTM

## 1 NO PIN

Emel permohonan untuk mendapatkan no pin kepada pejabat PPT mengikut negeri alamat semasa



Nama Penuh   No. Telefon  
No. Kad Pengenalan

Maklumat lanjut: <https://online.uitm.edu.my/ppt> <https://pppt.uitm.edu.my>

## 2 BORANG

Lengkapkan permohonan online di pautan [online.uitm.edu.my](https://online.uitm.edu.my)



Hanya Permohonan lengkap sahaja akan diproses

## 3 DOKUMEN

Hantar dokumen yang diperlukan kepada Pejabat PPT melalui Emel mengikut negeri alamat semasa



Calon diminta untuk tidak menukar no telefon bimbit

## Kenapa Permohonan Saya

## Tidak Berjaya ?

Calon-calon yang memohon program Pra Diploma (PPT) UiTM di minta untuk menyemak e-mel masing-masing yang digunakan untuk menghantar dokumen-dokumen lampiran permohonan dari semasa ke semasa untuk mengetahui status permohonan.



1

Tidak melepas syarat kelayakan Akademik SPM



2

Tidak memohon secara dalam talian melalui <https://online.uitm.edu.my/ppt>



3

Dokumen lampiran tidak lengkap. (IC Calon & Ibu Bapa, sijil lahir Calon & Ibu Bapa, slip gaji Ibu & Bapa, Sijil SPM serta dokumen-dokumen lain yang berkaitan)



4

Tidak menghantar dokumen lampiran melalui emel



5 Menghantar dokumen lampiran melalui e-mel selepas 28 Februari 2022, 12:00 tengah hari



6

Tidak memepati syarat am. kemasukan keUiTM seperti keturunan / bangsa calon



Hanya permohonan yang lengkap (permohonan online dan emel dokumen lampiran) akan diproses



**'Kemana Selepas SPM?'** merupakan rentetan kepada sub soalan/ sub point kepada persoalan yang subjektif itu. Ia secara langsung menyumbang kepada lakaran dan *turning point* dalam melakar '*Life journey*' bagi seseorang individu pelajar untuk terus membina jambatan atau platform yang kukuh dalam mengejar impian dan cita-cita yang diimpikan.

## Program Pra Diploma @ UiTM

Untuk memberi ruang & peluang kepada Anak Melayu, Anak Orang Asli, Anak Sarawak & Anak Sabah samada di bandar & luar bandar yang tidak berkemampuan untuk menimba ilmu di peringkat tertinggi disebabkan oleh:

- a) Faktor kewangan,
- b) Keputusan SPM yang kurang cemerlang
- c) Merit kemasukan ke IPTA yang tinggi.

## Peluang Kedua

Program Pra Diploma sebagai **laluan istimewa** untuk pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang memperolehi keputusan SPM yang **kurang menepati syarat-syarat** keperluan UPU tidak kira samada mereka dari golongan **B40** atau pun **bukan B40** agar kesemua mereka dapat meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.





Maklumat penuh program yang ditawarkan

Pejabat Pra Pendidikan Tinggi (PPT) merupakan jabatan yang mempunyai tanggungjawab sosial (*Corporate Social Responsibility*) untuk menguruskan pengambilan pelajar di peringkat Pra Diploma UiTM. Program PPT merupakan laluan khas kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tidak memenuhi syarat asas untuk meneruskan pengajian di universiti awam untuk meneruskan pengajian di UiTM. Setelah tamat menjalani program pra, para pelajar ini akan diserapkan ke pengajian di peringkat Diploma di beberapa Fakulti di UiTM mengikut pilihan mereka. Calon-calon pelajar bagi program PPT adalah mereka yang terdiri daripada anak Melayu, anak Negeri Sarawak, anak Negeri Sabah, anak Orang Asli dan Atlet.

## **MAKLUMAT LANJUT :**

### **Sidang Editor**

pejabat Program Pra Pendidikan Tinggi (PPT)  
Kompleks Antarabangsa  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.



+603 5521 1443 /1448 / 1449



<https://pppt.uitm.edu.my>



+603 5543 7969



PPT UiTM Pejabat Pengarah



pppt@uitm.edu.my

**©PPT 2021 | Jilid 4/4 2021 (Disember) | Dicetak Pada Januari 2022**

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any forms or by any means, including photocopying and recording, without the written permission of the copyright holder, application for which should be addressed to the publisher. Such written permission must also be obtained before any part of this publication is restored in a retrieval system of any nature.